

Lebih 50,000 hadiri Jamuan Bersama Rakyat

UM 13 APR 2002

KOTA BHARU 12 April — Lebih 50,000 orang menghadiri Jamuan Bersama Rakyat yang diadakan di pekarangan Istana Negeri Kubang Kerian dekat sini malam iqi.

Jamuan yang diadakan bersempena sambutan ulang tahun keputeraan Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra yang ke-52 itu, turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah.

Majlis jamuan berkenaan yang penuh warna warni dan gilang gemilang itu dimulakan pada pukul 9 malam, turut dicatatkan

dalam buku Malaysia Book of Records sebagai majlis jamuan terbesar.

Selain itu, majlis tersebut mencatatkan nama dalam buku berkenaan sebagai perarakan burung Petalawati terbesar yang pernah diadakan di Malaysia.

Penduduk Kelantan mula membanjiri kawasan sekitar istana, seawal pukul 6 petang lagi.

Sambutan dimulakan dengan upacara perarakan pulut semangat, burung Petalawati, sirih junjung, bendera Kelantan dan bendera Malaysia.

Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra, Raja Pe-

rempuan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid, Tengku Mahkota, Tengku Muhammad Faris Petra dan kerabat diraja lain menyertai perarakan dengan menaiki kereta kuda bermula dari Istana Mahkota.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah juga menaiki kereta kuda manakala kenamaan lain termasuk para menteri menaiki beca berhias.

Majlis itu turut disertai dengan persembahan 28 ienis kesenian dan kebudayaan rakyat Kelantan.

Beberapa orang artis seperti Siti Nurhaliza, Nora, Helmi The Gimmick, Ros-

lan Shah Singapura dan Halim Yazid turut membuat persembahan.

Pada majlis itu Mohd. Iz Taufik Sazalee, 10, turut membaca sajak bertajuk *Zkrar Sumpah Cucu Tok Janggut*.

Majlis Jamuan Bersama Rakyat itu juga diwarnai dengan pertunjukan bunga api dan laser.

Antara kenamaan lain yang hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam.